

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: POLISI PAKATAN INTEGRITI		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/PACT/P-05	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 1 3

1.0 PERNYATAAN POLISI

Ladang Rakyat Trengganu Sdn Bhd (*selepas ini dirujuk sebagai “LRTSB”*) komited untuk memastikan semua urusan perniagaan dilaksanakan secara telus, beretika dan bebas daripada sebarang bentuk rasuah, salah guna kuasa serta konflik kepentingan.

Selaras dengan komitmen itu, semua warga kerja LRTSB dan anak syarikatnya (*selepas ini dirujuk sebagai “Kumpulan”*), kontraktor dan pihak berkepentingan adalah diwajibkan untuk menandatangani dan mematuhi Pakatan Integriti sebagai komitmen bersama dalam mengekalkan tadbir urus yang baik serta mematuhi keperluan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan ISO 37001: Anti-Bribery Management System.

2.0 TUJUAN

- 2.1 Polisi ini bertujuan untuk mewajibkan semua warga kerja Kumpulan termasuk Ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan kakitangan serta penyedia luar mematuhi prinsip integriti dalam setiap proses perolehan, memastikan urusan dijalankan secara telus, adil dan bebas daripada sebarang bentuk rasuah, ganjaran tidak wajar atau konflik kepentingan.
- 2.2 Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan dokumen-dokumen sokongan berikut (jika berkenaan):
- Kod Etika Perniagaan (COBE)
 - Polisi Antirasuah & Penyelewengan
 - Polisi Tiada Hadiah
 - Polisi Konflik Kepentingan
 - Polisi Pemberi Maklumat
 - Peraturan Etika Kerja, Kelakuan & Tatatertib
 - Prosedur / Garis Panduan Pelaksanaan berkaitan

3.0 SKOP

Polisi ini terpakai kepada semua warga kerja Kumpulan termasuk Ahli Lembaga Pengarah, pihak pengurusan dan kakitangan, serta merangkumi organisasi di bawah kawalan Kumpulan, sekutu perniagaan dan semua pihak ketiga yang berurusan dengan Kumpulan, termasuk tetapi tidak terhad kepada pembekal, vendor, kontraktor, perunding, rakan niaga, ejen serta mana-mana pihak yang mempunyai hubungan kontraktual atau komersial dengan Kumpulan.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: POLISI PAKATAN INTEGRITI		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/PACT/P-05	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 2 3

4.0 PRINSIP UTAMA

Semua pihak hendaklah:

- 4.1 Tidak menawarkan, meminta atau menerima suapan atau faedah tidak wajar.
- 4.2 Mengelakkan sebarang konflik kepentingan dalam menjalankan tugas.
- 4.3 Menjaga kerahsiaan maklumat perolehan dan urusan syarikat.
- 4.4 Membuat pelaporan segera sekiranya mengetahui atau mengesyaki berlaku salah laku.

5.0 KEPERLUAN PELAKSANAAN

- 5.1 Semua warga kerja Kumpulan dan Penyedia Luar yang terlibat dalam perolehan hendaklah menandatangani Surat Akuan Pakatan Integriti sebelum memulakan tugas.
- 5.2 Surat Akuan hendaklah diperbaharui setiap tahun atau pada setiap pelantikan jawatankuasa atau kontrak baharu.
- 5.3 Semua rekod berkaitan hendaklah disimpan dan disahkan oleh Unit Integriti & Tadbir Urus (IGU) dan Unit Pentadbiran (Perolehan).

6.0 TINDAKAN TERHADAP KETIDAKPATUHAN

Kumpulan berhak mengambil tindakan berikut sekiranya berlaku pelanggaran Pakatan Integriti:

- Penamatan kontrak
- Penyenaraian hitam terhadap Penyedia Luar
- Tuntutan ganti rugi (jika berkaitan)
- Laporan kepada SPRM atau pihak berkuasa lain

7.0 PERLANGGARAN POLISI

Sebarang pelanggaran terhadap polisi ini oleh warga kerja Kumpulan boleh dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan peraturan dan prosedur syarikat yang berkuat kuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Amaran
- Penurunan pangkat
- Penamatan perkhidmatan

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: POLISI PAKATAN INTEGRITI		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/PACT/P-05	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 3 3

8.0 PEMILIK & PENYELENGGARAAN POLISI

- 8.1 Pemilik polisi ini ialah IGU. Polisi ini hendaklah disemak bagi memastikan kesesuaiannya dengan keperluan semasa sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun atau apabila perlu dan sekiranya terdapat sebarang perubahan yang besar. Sebarang perubahan akan dimaklumkan melalui memorandum dalaman yang akan diedarkan terlebih dahulu.
- 8.2 Sebarang semakan terhadap polisi ini hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah LRTSB.

-TAMAT-